

# LAPORAN NAZIRAN KE ATAS TATACARA PEROLEHAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK

Bahagian Integriti, Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat (Bal, CDPK) telah menjalankan naziran ke atas Tatacara Perolehan dan Pentadbiran Kontrak bagi memastikan pematuhan kepada prosedur yang ditetapkan. Skop naziran yang dijalankan adalah seperti berikut;

## **Tatacara Perolehan Sebut Harga, Lantikan Terus dan Kerja Undi**

- Pengurusan dan Tatacara Perolehan Secara Sebut Harga, Lantikan Terus dan Undi/Pusingan dibuat mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP, PK2/2013 Perkara 7 dan Seksyen III, Bab B dalam Pindaan Arahan Perbendaharaan bertarikh 31 Julai 2008.

## **Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan**

- Pematuhan kepada Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10/2010 (SPP 10/2010) bertarikh 16 Disember 2010 (kini dalam Pekeliling Perbendaharaan 1PP, PK 1/2013 Lampiran 1.2).

## **Perolehan Khidmat Pengangkutan Melalui Kontrak Kerja**

- Pematuhan kepada Surat Arahan KPKR Bil. 3/2010 bertarikh 7 April 2010 – Garis Panduan Perolehan Khidmat Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan Melalui Kontrak Kerja dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1999 (kini dalam Pekeliling Perbendaharaan 1PP, PK4/2013 Perkara 10) serta memantau penempatan dan pergerakan kenderaan projek di tapak bina.

# LAPORAN NAZIRAN KE ATAS TATACARA PEROLEHAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK

- Pada tahun 2017, Naziran ke atas Tatacara Perolehan dan Pentadbiran Kontrak telah diadakan di JKR Daerah Muar, Johor pada 14 hingga 15 Februari 2017 dan di JKR Daerah Sabak Bernam, Selangor pada 23 hingga 24 Mei 2017.
- Naziran dijalankan dengan menyemak dokumen-dokumen berkaitan dan maklumat yang diperolehi direkod dalam senarai semak yang disediakan oleh Bal, CDPK. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk perakuan pengesahan maklumat yang diperolehi daripada proses semakan yang telah dijalankan. Bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi dan diperakui oleh pegawai berkenaan, pemeriksaan fizikal juga dijalankan untuk memperkuuhkan ketepatan penemuan naziran.



Naziran di JKR Daerah Muar, Johor (14-15 Februari 2017)



Naziran di JKR Daerah Sabak Bernam (23-24 Mei 2017)